



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 67/2024

YB MENTERI PENDIDIKAN SEMPURNAKAN PERASMIAN SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT NEGERI TERENGGANU TAHUN 2024

1. Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek hadir merasmikan **Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2024** bertempat di **Kompleks Sukan Negeri Terengganu, Kuala Nerus**, hari ini.
2. YB Menteri Pendidikan telah diiringi oleh **Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan (KBS)**, YBr. Puan Ramona Mohd Razali serta **Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu**, YBr. Encik Asmadi Mohamad.
3. Hari Sukan Negara (HSN) merupakan **sambutan nasional yang diadakan secara tahunan** sejak tahun 2015. HSN dijadualkan **pada setiap Sabtu minggu kedua bulan Oktober** dengan hasrat **membudayakan dan merakyatkan sukan** dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif.
4. Objektif penganjuran HSN adalah seperti berikut:
 - 4.1 mempromosi **gaya hidup aktif dan cergas** menerusi aktiviti sukan, rekreasi dan seumpamanya;
 - 4.2 meningkatkan **penglibatan rakyat** dalam aktiviti sukan dan rekreasi seterusnya **memperkukuhkan pembudayaan sukan** dalam kalangan masyarakat;
 - 4.3 memperkukuhkan **semangat perpaduan** dan **integrasi nasional** menerusi aktiviti sukan dan rekreasi; dan
 - 4.4 menyuntik sinergi **pembangunan sosioekonomi** menerusi **penerokaan industri sukan dan rekreasi** seterusnya memberikan **impak positif** kepada ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat.

5. Dengan mengetengahkan tema **#CergasBersama**, KBS menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sukan dan rekreasi selaras dengan kerangka **Malaysia MADANI** dan **Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)**. Aktiviti sukan dan rekreasi ini dianjurkan di seluruh negara merangkumi **peringkat daerah, negeri dan kebangsaan** dengan sasaran penyertaan keseluruhan seramai **4.5 juta orang**.
6. Bagaimanapun, penganjuran sambutan HSN Peringkat Negeri dan Bahagian di negeri Sarawak **diselaraskan semula ke 19 Oktober 2024 (Sabtu)** bagi menghormati Sambutan Ulang Tahun Kelahiran TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Senarai lokasi di peringkat negeri seperti di **LAMPIRAN A**.
7. Bagi peringkat negeri Terengganu, **pelbagai aktiviti dan acara sukan dan rekreasi telah berlangsung** antaranya larian ria, berjalan santai, aktiviti kecergasan, pameran jabatan/ agensi kerajaan dan swasta/ NGO serta banyak lagi.
8. Walaupun HSN disambut sekali setahun, kerajaan berharap agar masyarakat sentiasa **mengamalkan gaya hidup aktif dan cergas** sepanjang tahun seterusnya menyokong hasrat di dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah "Negara Bersukan".
9. Sekiranya orang ramai atau mana-mana pihak **memerlukan maklumat** atau **mempunyai pertanyaan** mengenai penganjuran HSN, sila hubungi Sekretariat HSN di talian **03-8871 3183/ 3242** atau e-mel hsn@kbs.gov.my. Selain itu, maklumat dan info berkaitan HSN juga boleh diakses menerusi portal **harisukannegara.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

12 Oktober 2024



SENARAI LOKASI SAMBUTAN HSN 2024

 KEBANGSAAN DATARAN PUTRAJAYA, PRESINT 3 12 OKTOBER 2024 7.00 PAGI	 SELANGOR DATARAN KEMERDEKAAN, SHAH ALAM 12 OKTOBER 2024 7.00 PAGI	 PERLIS KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA, KANGAR 12 OKTOBER 2024 8.00 PAGI
 KEDAH TAPAK KONVO UUM KAMPUS SINTOK 12 OKTOBER 2024 7.00 PAGI	 PULAU PINANG PADANG DATO' HAJI AHMAD BADAWI, BUTTERWORTH 12 OKTOBER 2024 7.00 PAGI	 PERAK KOMPLEKS BELIA & SUKAN NEGERI PERAK, IPOH 12 OKTOBER 2024 7.30 PAGI
 NEGERI SEMBILAN D'TEMPAT COUNTRY CLUB, BANDAR SRI SENDAYAN 12 OKTOBER 2024 7.30 PAGI	 MELAKA MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN, BANDA HILIR 12 OKTOBER 2024 8.00 MALAM	 JOHOR TUNKU MAHKOTA ISMAIL YOUTH CENTRE (TMIYC) MUAR 12 OKTOBER 2024 5.30 PETANG
 KELANTAN AEON MALL KOTA BHARU 12 OKTOBER 2024 8.00 PAGI	 TERENGGANU KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU, KUALA NERUS 12 OKTOBER 2024 7.30 PAGI	 PAHANG TAMAN TASIK RAUB 12 OKTOBER 2024 7.00 PAGI
 SABAH KOMPLEKS SUKAN KENINGAU 12 OKTOBER 2024 7.00 PAGI	 LABUAN KOMPLEKS SUKAN LAUT ANTARABANGSA LABUAN 12 OKTOBER 2024 6.00 PAGI	 SARAWAK KOMPLEKS SUKAN SARIKEI 19 OKTOBER 2024 7.30 PAGI

- * Sambutan Peringkat WP Kuala Lumpur diadakan bersekali dengan peringkat kebangsaan di Dataran Putrajaya
- * Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa



#CergasBersama #HSN

www.harisukannegara.my |  kbsmalaysia/ jbsnegara

